

22 JANUARI 2018

Tauke dadah 'baharu' dicekup

Tauke dadah 'baharu' dicekup

PASIR MAS 21 Jan. - Cita-cita seorang penganggur untuk menjadi tauke dadah tidak kesampaian apabila dia dicekup bersama wang modal berjumlah RM40,000 bagi melebarkan sayap dalam kegiatan jenayah itu dalam serbuan di Kampung Gual Tok Deh Barat, Rantau Panjang Khamis lalu.

Serbuan kira-kira pukul 5 pagi itu dilakukan oleh anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Abdullah Mohammad Piah berkata, siasatan mendapati wang tersebut adalah hasil jualan dadah yang dilakukan oleh suspek sejak lima bulan lalu.

Katanya, wang tersebut dikumpul suspek untuk dijadikan sebagai modal pusingan bagi menjalankan kegiatan haram itu.

"Dalam serbuan itu juga PGA Batalion 7 turut merampas tiga gram heroin, 305 botol ubat batuk dan 30 milimeter cecair ketum.

"Bukan itu sahaja, saringan ujian air kencing yang dilakukan ke atas suspek berusia 31 tahun mendapati dia positif dadah jenis methamphetamine," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Mas, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pegawai Pemerintah Medan Kawalan Pengoperasian Keselamatan Kompleks Kastam, Kuarantin dan Imigresen (ICQS) Kelantan, Asisten Superintenden Mohd. Sukiman Mat Arshad.

Abdullah memberitahu, suspek turut mempunyai tiga rekod jenayah lampau berkait dengan dadah dan dipercayai sudah lima bulan menjalankan kegiatan haram itu.